

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(X)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN  
YB. GOH CHOON AIK**

5. Batu Kawan menghadapi kekurangan kedai kejiranan dan kompleks penjaja, apakah tindakan penyelesaian terhadap:-
- (a) Banyak rumah kediaman di Bandar Cassia Barat dan Bandar Cassia Tengah ditukar kepada kedai dan restoran.
  - (b) Penjaja jalanan bagai cendawan tumbuh selepas hujan di sepanjang jalan-jalan utama.
  - (c) Status kompleks penjaja Stadium Batu Kawan dan sambutannya.

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. Perancangan pembangunan Bandar Cassia, Batu Kawan adalah berpandukan kepada Garis Panduan Perancangan yang dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Semua kemudahan asas dan awam akan mematuhi keperluan Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan-jabatan Teknikal yang berkaitan seperti penyediaan dewan orang ramai, kawasan lapang, penyediaan ruang perniagaan dan pusat penjaja.
- (a) Unit-unit rumah yang ditukar kepada kedai dan restoran berlaku di skim perumahan yang terdahulu disebabkan kekurangan kedai di Batu Kawan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) kini sedang melaksanakan pembangunan komersial di kawasan kejiranan 1 dan sebanyak 20 unit kedai telah disiapkan. PDC juga telah menyiapkan 13 unit kedai dan sebuah kompleks

penjaja di projek perumahan mampu milik bagi menyelesaikan isu kediaman yang ditukar kepada kedai dan restoran. Selain itu, PDC juga bekerjasama dengan pemaju-pemaju swasta sedang menyediakan ruang perniagaan yang mencukupi mengikut piawaian yang disyaratkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Antaranya, pihak ASPEN sedang menyiapkan 736 unit kedai yang dijangka siap pada tahun 2020, pihak Paramount juga telah merancang pembinaan sebanyak 329 unit kedai di mana 196 unit kedai sedang dalam peringkat pembinaan yang dijangka siap pada suku ketiga tahun 2019. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri berharap tidak wujud lagi masalah kekurangan kedai di Bandar Cassia menjelang tahun 2020.

- (b) Kewujudan penjaja jalanan ini adalah kerana peniaga-peniaga bebas memilih tapak berniaga iaitu di lokasi yang terdapat permintaan seperti berhampiran kawasan pembinaan dan di laluan utama. Justeru, bagi menempatkan dan menampung keperluan penjaja, PDC telah membina sebanyak 8 unit gerai di dalam Kompleks Stadium Batu Kawan. Malahan kawasan dataran Stadium dan tempat meletak kereta yang luas juga dapat digunakan sebagai tapak perniagaan yang berbentuk sementara seperti kereta sorong, *food truck* dan konsep pasar tani. Sementara itu, PDC telah menyiapkan sebuah kompleks penjaja yang dapat menampung 20 buah gerai di kawasan perumahan mampu milik hijau. Dengan adanya kemudahan tempat untuk berniaga ini, Kerajaan Negeri berharap isu penjaja jalanan ini akan dapat diselesaikan dalam memberi keselesaan kepada peniaga untuk berniaga.
- (c) Pelan Cadangan PDC untuk membina 50 gerai sementara di hadapan Kompleks Stadium telah dipersetujui oleh MPSP dan PDC sedang mengambil tindakan susulan yang sewajarnya. Bagi memastikan pelaksanaan projek berjalan lancar, MPSP telah bersetuju untuk:-
  - (i) Melaksanakan penguatkuasaan pemindahan penggerai sedia ada ke tapak sementara yang dibina PDC; dan

- (ii) Menghalang pertumbuhan gerai baharu di tapak yang dikosongkan dan tempat-tempat lain.